



FACT SHEET (JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA)

SEJARAH PENUBUHAN PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART)

Susulan daripada tragedi keruntuhan pangsapuri Highland Tower, Ulu Kelang, Selangor pada 11 September 1993, satu pasukan penyelamat elit telah ditubuhkan di bawah arahan Majlis Keselamatan Negara No 19 iaitu **PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART)**. Pasukan ini ditubuhkan pada tanggal 1 Ogos 1995 yang terdiri daripada pegawai dan anggota 3 badan beruniform utama Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Kini Pasukan SMART telah diletakkan di bawah pengurusan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada tanggal 01 Oktober 2015.

FUNGSI DAN KEPAKARAN

Fungsi Pasukan SMART adalah sebagai sebuah pasukan sokongan pakar kepada pasukan penyelamat sedia ada dalam negara Malaysia. Pasukan SMART merupakan sebuah pasukan yang mempunyai kepakaran dalam *Collapsed Structure* dengan dilengkapi peralatan terkini dan moden. Pasukan SMART juga mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang penyelamatan yang lain

Pasukan SMART merupakan sebuah pasukan penyelamat yang boleh diatur gerak di peringkat antarabangsa dan menjadikan Pasukan SMART sebagai Duta diperingkat antarabangsa dalam kejadian bencana.

PENGIKTIRAFAN

INSARAG HEAVY URBAN SEARCH AND RESCUE TEAM (USAR)

Pasukan Mencari dan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) merupakan pasukan penyelamat yang ke-2 di Asean, ke-8 di Asia Pasifik dan ke 46 dunia mendapat pengiktirafan sebagai *INSARAG Heavy Urban Search and Rescue Team*. Pengiktirafan ini telah meletakkan pasukan SMART sebaris dengan pasukan penyelamat elit di seluruh dunia. Pasukan SMART mendapat pengiktirafan ini pada tahun 2016 dan menggunakan kod nama **MAS-1**.

Pasukan SMART menggunakan konsep *MyTeam Relief* apabila diarahkan untuk sebarang misi operasi mencari dan menyelamat di peringkat antarabangsa. Melalui konsep ini, Pasukan SMART akan dibantu oleh beberapa komponen daripada jabatan lain seperti Medical, K9, HazMat serta lain-lain apabila dihantar untuk misi ke luar negara.



Untuk **JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA** kali ini, Pasukan SMART akan membuka 'Booth Information' di bawah reruai Jabatan Perdana Menteri bagi memberi pendedahan dan informasi berkaitan dengan Pasukan SMART.